

# Joshua kekalkan penguasaan

**JOHOR BAHRU** – Jaguh lawan pedang kebangsaan, Joshua Koh I. Jie mengekalkan penguasaannya dalam Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SukIPT) 2016 apabila mempertahankan pingat emas Epee individu lelaki, semalam.

Kejayaan tersebut menyaksikan atlet dari Universiti Nilai, Negeri Sembilan itu mengulangi pencapaian sama pada temasya SukIPT 2014, juga menewaskan pencabar sama, iaitu Mohamad Roslan Mohamed dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan keputusan 15-13 dalam pusingan akhir.

Menurut Joshua, Mohamad Roslan sememangnya seorang pencabar yang hebat, apatah lagi perlawanan hari ini seolah pertemuan ulangan pusingan akhir antara mereka.

“Saya tidak terlalu banyak berfikir semasa perlawanan kecuali



**AKSI** Joshua Koh I. Jie (kiri) ketika menentang Mohamad Roslan Mohamed dalam acara lawan pedang Epee lelaki pada SukIPT 2016 di Dewan 24 UTM, Skudai semalam.

fokus sepenuhnya dan sentiasa cuba melakukan yang terbaik.

“Tidak dinafikan ada beberapa

ketika saya melakukan kesilapan, namun akhirnya saya gembira dengan keputusan yang dicapai

hari ini,” katanya yang ditemui selepas tamat perlawanan pusinan akhir acara tersebut.

Temasya dwitahunan yang bermula semalam itu menyaksikan seramai 8,000 atlet daripada 102 kontinjen termasuk wakil universiti luar negara mengambil bahagian bagi merebut 251 pingat emas yang dipertandingkan.

Joshua turut memberitahu, bahawa dia bakal berkunjung ke Itali bulan depan bagi menjalani latihan sebagai persediaan menghadapi kelayakan Sukan Olimpik 2016 yang akan berlangsung April nanti.

“Saya akan menjalani latihan selama dua bulan di Itali bermula bulan depan sebagai persediaan menjelang pusingan kelayakan Sukan Olimpik nanti.

“Pastinya kemenangan yang dicapai hari ini menaikkan lagi semangat saya untuk melakukan yang terbaik bagi meraih kejayaan lebih besar di masa depan,” ujarnya lanjut.